

CNS3536

U GB 25-10 00166 BA743

bah

EKONOMI DOMESTIK BOLEH ATASI XEMEROSOTAN EKONOMI DUNIA

Mahathir-ekonomi

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Kerajaan akan menggunakan pertumbuhan ekonomi domestik bagi mengatasi kesan daripada kemelesetan ekonomi di luar negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata kemelesetan ekonomi di negara asing akan mempunyai kesan terhadap ekonomi negara tetapi kini kerajaan sedang mengkaji cara-cara menggunakan pertumbuhan domestik untuk membantu pertumbuhan eksport.

+Kalau kita dapat menggalakkan sumbangan domestik kepada pertumbuhan ekonomi, kita percaya kita akan dapat mengatasi kesan masalah ekonomi yang merosot di negara asing, katanya ketika kepada pemberita selepas mengunjungi Timbalan Menteri Pertanian, Datuk S. Subramaniam bagi mengucapkan selamat Hari Deepavali di rumahnya sini.

Dr Mahathir, yang ditanya mengenai belanjawan negara yang di jadual dibentang di Dewan Rakyat 30 Okt ini berkata, diantara aktiviti domestik yang boleh membantu ialah industri pelancongan dalam negeri.

Kerajaan menggalakkan lebih banyak lagi hotel yang sederhana untuk menggemunkan aktiviti ekonomi dalam negara, katanya. -- Lagi

▼25/10/15-26MST

CNS3537

U GB 25-10 00069 BB744

bah

Mahathir-ekonomi (Akhir) 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata belanjawan negara akan memudahkan lagi pembangunan ekonomi sejajar dengan segala dasar dan percukaian.

Katanya, kenaikan cukai akan didasarkan kepada perkara yang sesuai untuk pembangunan ekonomi.

Yang turut mengunjungi Subramaniam ialah Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Napsiah Omar dan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Musa Hitam. -- Bernama

▼25/10/15-26MST